

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JASA MERIN (MALAYSIA) SDN. BHD. KEMAMAN,
TERENGGANU

Oleh

ROSMAWATI PINTI MAT YUSOFF
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039937

LI 64 FPE 2 2005



1100039937
 Laporan akhir Latihan Industri di Jasa Merin (Malaysia) Sdn.
 Bhd. Kemaman, Terengganu / Rosmawati Mat Yusoff.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
 21030 KUALA TERENGGANU

1100039937		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
 FPE
 2
 2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JASA MERIN (MALAYSIA) SDN. BHD. KEMAMAN,
TERENGGANU**

Disediakan Oleh:

**ROSMAWATI BINTI MAT YUSOFF
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Rosmawati Binti Mat Yusoff**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: Rosmawati Binti Mat Yusoff

Tarikh: 14 November 2005

Disahkan oleh :



Tuan Haji Abdul Rahim Bin Ibrahim

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Pertama sekali, pelatih mengucapkan syukur yang tidak terhingga ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya pelatih dapat menjalani Latihan Industri dan mampu menyiapkan laporan Latihan Industri seperti yang telah diamanahkan. Pelatih turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa pelatih yang banyak memberi dorongan dan bantuan kepada pelatih terutamanya dari segi kewangan.

Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan terima kasih pelatih kepada Tuan Haji Abdul Rahim Bin Ibrahim, penyelia Latihan Industri KUSTEM, di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih juga diucapkan di atas kesudian beliau memberi tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih dalam menyiapkan laporan ini. Kerjasama daripada beliau amatlah dihargai.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga pelatih ucapkan kepada pihak Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd., di atas kesudian pihaknya mengambil pelatih untuk menjalani latihan industri di sana, terutamanya kepada Tuan Haji Md. Yusof Bin Ibrahim selaku Pengarah Eksekutif dan Encik Mohamed Suhaimi Bin Che Long, Pengurus Besarnya kerana memberi peluang kepada pelatih untuk menyelami bidang pekerjaan yang sebenarnya.

Tidak ketinggalan juga, kepada pihak-pihak yang terlibat sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri terutama kepada penyelia industri pelatih iaitu Encik Fadzil Bin Pawan Chik dan juga Encik Tengku Khajakee Bin Tengku Ibrahim. Mereka telah memberi tunjuk ajar dan memberi peluang kepada pelatih untuk merasai keadaan sebenar bidang pekerjaan.

Selain itu, terima kasih juga kepada kakitangan Jasa Merin yang turut memberikan kerjasama yang jitu kepada pelatih terutamanya di Bahagian HSE dan Bahagian Kakaitangan Merin iaitu Puan Nik Sinasuraya Binti Ahmad, Kapten Abd Rahim Bin Md Noor, Cik Suriani Binti Jaafar, Cik Sharifah Binti Ismail, Encik Sidek Bin Kassim dan Encik Nik Shamriz Bin Nik Mat. Mereka telah banyak membantu dari segi nota dan tunjuk ajar tentang operasi kerja. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dalam memberikan pelatih maklumat berkaitan operasi kerja di Jasa Merin.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli jawatankuasa Latihan Industri kerana telah bertungkus-lumus bekerja bagi melancarkan lagi proses latihan industri ini. Kesungguhan dan kesabaran mereka melayani karenah para pelajar amatlah dihargai.

Akhir sekali, tidak lupa juga terima kasih pelatih kepada keluarga serta kakak pelatih iaitu Cik Saniah yang telah banyak membantu dan memberi sokongan dan kewangan dari segi kewangan. Terima kasih yang tidak terhingga

juga diucapkan kepada Pn. Faridah, Cik Norbainul Azwa, Cik Sharifah dan Cik Naimah kerana memberi bantuan dari segi tempat tinggal.

Sokongan dan dorongan mereka telah banyak membantu pelatih semasa menjalani latihan industri.

ROSMAWATI BINTI MAT YUSOFF

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PENGHARGAAN	iii
	ISI KANDUNGAN	vi
	SENARAI RAJAH	x
	RINGKASAN EKSEKUTIF	xi

BAB 1 : PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd.	2
1.1.1	Latar Belakang Syarikat	3
1.1.2	Lokasi	5
1.2	Maklumat Organisasi	7
1.3	Carta Organisasi Syarikat	8
1.3.2	Carta Organisasi Kapal	9
1.4	Senarai Nama Kakitangan Jasa Merin	10
1.5	Polisi Syarikat	12
1.5.1	Polisi Penyalahgunaan Dadah dan Alkohol	12
1.5.2	Polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar	13

BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN PENYELESAIAN MASALAH

2.0 Pendahuluan	16
2.1.0 Sistem Pentadbiran dan Sistem Belian	16
(i) Sistem Pentadbiran	16
(a) Objektif Sistem Pentadbiran	16
(b) Prosedur Dalam Sistem Pentadbiran	17
(ii) Sistem Belian	26
(a) Objektif Sistem Belian	26
(b) Prosedur Dalam Sistem Belian	27
2.1.1 Pengenalpastian Masalah	31
(i) Sistem Pentadbiran	31
(a) Punca Masalah	31
(b) Kesan Masalah	32
(ii) Sistem Belian	32
(a) Punca Masalah	33
(b) Kesan Masalah	33
2.1.2 Cadangan Penyelesaian	34
(i) Sistem Pentadbiran	34
(ii) Sistem Belian	35
2.1.3 Implikasi Perlaksanaan dan Kesannya	36
(i) Sistem Pentadbiran	36
(ii) Sistem Belian	36

2.2.0 Sistem Kontrak Warga Asing dan Sistem Keselamatan Pekerja di Atas Kapal	37
(i) Sistem Kontrak Warga Asing	37
(a) Objektif Sistem Kontrak Warga Asing	37
(b) Prosedur Sistem Kontrak Warga Asing	38
(ii) Sistem Keselamatan Pekerja di Atas Kapal	40
(a) Objektif Sistem Keselamatan di Atas Kapal	40
(b) Prosedur Sistem Keselamatan Pekerja di Kapal	40
2.2.1 Pengenalpastian Masalah	45
(i) Sistem Kontrak Warga Asing	45
(a) Punca Masalah	45
(b) Kesan Masalah	46
(ii) Sistem Keselamatan Pekerja di Atas Kapal	46
(a) Punca Masalah	46
(b) Kesan Masalah	47
2.2.2 Cadangan Penyelesaian	48
(i) Sistem Kontrak Warga Asing	48
(ii) Sistem Keselamatan Pekerja di Atas Kapal	48
2.2.3 Implikasi Perlaksanaan dan Kesannya	49
(i) Sistem Kontrak Warga Asing	49
(ii) Sistem Keselamatan Pekerja di Atas Kapal	49

2.3.0 Sistem Audit Dalaman	50
(i) Objektif Sistem Audit Dalaman	50
(ii) Prosedur Sistem Audit Dalaman	50
2.3.1 Pengenalpastian Masalah	54
(i) Punca Masalah	54
(ii) Kesan Masalah	55
2.3.2 Cadangan Penyelesaian	55
2.3.3 Implikasi Perlaksanaan dan Kesannya	56

BAB 3 : PENUTUP

3.0 Pendahuluan	57
3.1 Rumusan dan Cadangan Keseluruhan	57
3.1 Cadangan Latihan Industri	59
Rujukan	61
Lampiran	62

SENARAI RAJAH

PERKARA		MUKA SURAT
RAJAH 2.1 (ii)	Carta Aliran Sistem Belian	30
RAJAH 2.2 (i)	Carta Aliran Sistem Kontrak Warga Asing	43
RAJAH 2.2 (ii)	Carta Aliran Sistem Keselamatan Pekerja di Atas Kapal	44
RAJAH 2.3	Carta Aliran Sistem Audit Dalaman	53

RINGKASAN EKSKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan satu komponen subjek yang penting dalam pengajian bagi kursus di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Melalui Latihan Industri ini, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang diajar sekaligus mampu mengaplikasikan teori tersebut dengan realiti alam pekerjaan. Selain daripada itu, melalui Latihan Industri juga pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan dimana pelatih akan memperolehi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian pelatih. Jasa Merin adalah sebuah organisasi di mana pelatih telah berpeluang menjalani Latihan Industri. Jasa Merin merupakan sebuah syarikat perkapalan yang telah ditubuhkan pada 14 Mac 1980 dengan nama Jackson Marine (Malaysia) Sdn. Bhd. Pada 20 Februari 1987, nama Jackson Marine (Malaysia) Sdn. Bhd. telah ditukar kepada Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd. berikutan dengan pengambil alihan 100% milikan ekuiti syarikat Jackson Marine oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Perbadanan Menteri Besar Terengganu (PBMT). Aktiviti utamanya ialah untuk mengendali dan menyediakan perkhidmatan kapal perbekalan dan sokongan serta lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan industri minyak dan gas di kawasan luar pantai. Sepanjang berada di Jasa Merin, pelatih telah ditempatkan di Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) dan juga di Bahagian Kakitangan Merin. Di Bahagian HSE pelatih telah berpeluang mempelajari Sistem Audit Dalaman dan Sistem Keselamatan Pekerja Di Atas Kapal di mana sistem ini penting bagi memastikan keadaan kapal sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk belayar. Manakala di Bahagian Kakitangan Merin pula, pelatih berpeluang mempelajari Sistem Kontrak Warga Asing yang mana ia menunjukkan bagaimana seseorang kelasi warga asing menyambung dan memperbaharui kontrak kerja dengan Jasa Merin. Selain daripada itu, pelatih juga berkesempatan untuk mempelajari Sistem Pentadbiran dan Sistem Belian yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam Bab 2. Sepanjang 12 minggu tempoh menjalani latihan industri, pelatih telah dapat mengenal pasti beberapa masalah iaitu di dalam Sistem Pentadbiran dan Sistem Belian di mana terdapat pekerja yang tidak mampu menjalankan tugas mereka dan juga permintaan yang tidak jelas dan lengkap diterima dari pihak kapal. Pelatih turut mengenal pasti masalah yang terdapat di dalam Sistem Kontrak Warga Asing dan Sistem Keselamatan Pekerja Di Atas Kapal dan juga di dalam Sistem Audit Dalaman. Berdasarkan pemerhatian pelatih, pelatih telah mengenal pasti punca masalah yang menyebabkan masalah ini terjadi. Antara yang dikenal pasti adalah sikap kakitangan yang tidak bertanggungjawab dan berdisiplin. Punca-punca masalah ini sekiranya tidak diatasi akan menyebabkan sistem kerja terganggu sekaligus menjejaskan prestasi syarikat. Justeru itu, menerusi laporan ini, pelatih turut memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, pelatih berharap penemuan terhadap sistem kerja di Jasa Merin dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif.